

AMALAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN DI SEKOLAH DAERAH BATU PAHAT, JOHOR

NORMIRANI BINTI NASIR

KERTAS PROJEK/ILMIAH YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PERNIAGAAN)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2007

PENGAKUAN

SAYA AKUI BAHAWA KERTAS ILMIAH/PROJEK INI ADALAH HASIL KARYA SAYA SENDIRI KECUALI PETIKAN DAN RINGKASAN YANG TIAP-TIAP SATUNYA TELAH SAYA NYATAKAN SUMBERNYA.

APRIL 2007

 05-4506832 pustaka.upsi.edu.my NORMIRANI BINTI NASIR
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
M20031001243 ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Kertas projek yang bertajuk “ Amalan Keselamatan Dan Kesihatan Di Sekolah Daerah Batu Pahat, Johor ” oleh Normirani Binti Nasir merupakan sebahagian daripada syarat untuk memenuhi keperluan bagi ijazah Sarjana Pendidikan (Pengurusan Perniagaan) di Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Diluluskan oleh:

Dr. Khalid Bin Ismail
Fakulti Perniagaan dan Ekonomi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
(Penyelia/Pemeriksa)



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Dan Maha Mengasihani. Selawat dan Salam Buat Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

Alhamdulillah, segala puji dan syukur Kehadrat Allah S.W.T kerana dengan Limpah dan RahmatNya juga, maka Kertas Projek ini dapat disiapkan.

Dikesempatan ini, sekalung penghargaan dan ucapan setinggi-tinggi Terima Kasih saya tujuhan kepada Penyelia saya, Dr. Khalid Bin Ismail dan Puan Rusliza Binti Yahya yang telah sudi meluangkan masa dan tenaga, memberi nasihat, tunjuk ajar dan bimbingan dalam menyiapkan Kertas Projek ini. Tidak lupa juga buat pensyarah-pensyarah yang telah mencerahkan ilmu sepanjang pengajian ini. Semoga ilmu yang dicurahkan dapat dimanfaatkan kepada semua insan.

Ucapan Terima Kasih juga ditujukan buat rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak membantu juga rakan-rakan sekolah yang banyak memberi dorongan dan kata-kata perangsang dalam meneruskan pengajian ini. Buat teman-teman seperjuangan terima kasih atas persinggahan persahabatan yang seketika ini. Semoga kejayaan sentiasa mengiringi perjuangan kita, Insyaallah. Sesungguhnya pengajian ini tidak mengenal batasan usia.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih yang tak terhingga buat keluarga yang telah banyak berkorban demi perjuangan ini. Terima Kasih atas dorongan dan kasih sayangmu. Penghargaan juga diberikan kepada sesiapa sahaja sama ada secara langsung atau tidak langsung yang memberikan kerjasama dalam membantu menjayakan projek penulisan ini.

Doa dan harapan saya, semoga Kertas Projek yang disediakan ini dapat memberi sedikit pengetahuan dalam bidang berkaitan, Insyallah.

Akhir sekali Ribuan Kemaafan saya pohonkan andainya terdapat kelemahan dalam penulisan ini dan ianya adalah dari kelemahan diri saya sendiri.

Normirani Binti Nasir
UPSI
2007



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui amalan keselamatan dan kesihatan yang dipraktikkan di sepuluh buah sekolah menengah di daerah Batu Pahat, Johor. Kajian dijalankan ke atas aspek keselamatan makmal, bengkel, kemudahan umum seperti kelas, kantin, bilik guru, tandas, padang dan gelanggang, aktiviti ko-kurikulum dan aspek kebakaran. Kajian ini juga adalah untuk mengetahui adakah terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan faktor demografi seperti lokasi sekolah, gred sekolah dan bilangan pelajar. Kaedah kajian menggunakan soal selidik yang telah disesuaikan daripada ‘Buku Manual Polisi Sekolah Selamat’. Seramai 120 orang respondan telah dipilih secara rawak daripada sepuluh buah sekolah di daerah batu Pahat yang mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup, Sains dan mata pelajaran lain. Penganalisaan dibuat berdasarkan analisa min skor, peratusan, Ujian T dan ANOVA dengan aras signifikan telah ditetapkan pada aras 0.05. Dapatan kajian menunjukkan amalan keselamatan dan kesihatan di sekolah daerah Batu Pahat berada pada tahap yang tinggi. Amalan keselamatan di bengkel berada pada ranking yang pertama, diikuti oleh makmal, aktiviti ko-kurikulum, aspek kebakaran, kelas, padang dan gelanggang, tandas, bilik guru dan kantin. Perbezaan yang signifikan di antara amalan keselamatan dan kesihatan dari aspek makmal dan umum adalah jelas dipengaruhi oleh jumlah pelajar dan gred sekolah. Untuk membentuk sekolah selamat semua pihak perlu memberi kerjasama dan iltizam yang tinggi. Segala perancangan yang berhubungkait dengan amalan keselamatan dan kesihatan di sekolah hendaklah mempunyai sistem perlaksanaan dan pemantauan yang sistematik dan berterusan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

ABSTRACT

The objective of this research is to measure the level of safety and health practice in ten different secondary school in Batu Pahat, Johor. The research was conducted in the laboratories, workshops, classrooms, canteens, staffrooms, toilets, fields dan courts as well as the co-curricular activities and fire management. Besides, this research has been proposed to identify any significant differences based on demographic factors such as schools location, grade and the number of students. The method of the research was based on the questionnaire form which has been adapted from 'Buku Manual Polisi Sekolah Selamat'. About 120 respondents have been chosen randomly from ten schools. The respondents teach Living Skills, Science and other subjects. Analyzing processes was based on The Min Score, Percentage, T- Test and ANOVA. The significant level has been set at 0.05. The result of the research shows that the level of security and health practice in schools is totally high. It also proves that workshop fall into the first rank in the implementation level of these two aspects in school, followed by laboratories, co-curricular activities, fire management, classrooms, fields and courts, toilets, staffrooms and canteen. The study has identified that the significant difference in workshop and general facilities was influenced by the number of students and the grade of school. As a whole, in order to achieve a status as a safe school, it demands high co-operation and commitment from everybody that is involved. Every aspect related in the implementation and supervision must be carried out systematically and continuously.

KANDUNGAN

Mukasurat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
DAFTAR KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.1.1	Amalan Kesihatan Sekolah	3
1.1.2	Amalan Keselamatan Sekolah	4
1.2	Pernyataan Masalah	6
1.3	Objektif Kajian	7
1.4	Soalan Kajian	8
1.5	Hipotesis Kajian	9
1.6	Kepentingan Kajian	9
1.7	Batasan Kajian	10

1.8	Definisi operational	11
1.8.1	Amalan	11
1.8.2	Keselamatan	12
1.8.3	Kesihatan	12
1.8.4	Sekolah Menengah	12
1.8.5	Guru-guru	13
1.8.6	Konsep Sekolah Selamat	13

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.0	Pengenalan	15
2.1	Amalan Keselamatan Sekolah	15
2.2	Amalan Kebersihan Dan Kesihatan Sekolah	15
2.3	Konsep Keselamatan Dan Kesihatan	17
2.4	Faktor Kemalangan	18
2.5	Konsep Sekolah Selamat	20

2.6 Amalan-Amalan Keselamatan Dan Kesihatan Di Sekolah

2.6.1	Amalan Keselamatan Dan Kesihatan Di Bengkel	22
2.6.2	Amalan Keselamatan Di Makmal	23
2.6.3	Amalan Keselamatan Di Kelas Dan Bilik Guru	24
2.6.4	Amalan Keselamatan Di Kantin	25
2.6.5	Amalan Keselamatan Aktiviti Sukan Dan Ko-Kurikulum	26
2.6.6	Amalan Keselamatan Kebakaran	27
2.6.7	Amalan Keselamatan Kawasan Sekolah	29
2.6.8	Amalan Keselamatan Waktu Kelas, Amali & Ketukangan	30
2.6.9	Amalan Keselamatan Trafik Di Kawasan Sekolah	31
2.6.10	Menjaga Disiplin Dan Mengenakan Tindakan Disiplin Terhadap Pelajar Mengikut Peraturan	32
2.6.11	Tinjauan Mengenai Arahan Pekeliling PKM Yang Membabitkan Isu Keselamatan Dan Kesihatan Di Sekolah	33

2.7 Kajian Berkaitan Amalan Keselamatan Dan Kesihatan Di Sekolah

2.6.1	Kajian Luar Negara	37
2.6.2	Kajian Dalam Negera	38

2.8 Kesimpulan

**BAB 3 METODOLOGI**

3.1 Pengenalan	41
3.2 Rekabentuk Kajian	41
3.3 Instrumen Kajian	43
3.4 Kajian Rintis	47
3.5 Sampel Kajian	48
3.6 Pentadbiran Soal Selidik	49
3.7 Analisis Data	49

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	53
4.2 Analisa Demografi Sekolah	53
4.2.1 Lokasi Sekolah	54
4.2.2 Gred Sekolah	54
4.2.3 Jumlah Pelajar	55
4.2.4 Jumlah Guru	55
4.2.5 Jumlah Staf	56
4.2.6 Urusan Kebersihan	57
4.2.7 Urusan Keselamatan	57
4.3 Analisa Amalan Keselamatan Dan Kesihatan Di Sekolah	58
4.4 Tahap Amalan Keselamatan Dan Kesihatan Di Sekolah	59
4.5 Analisa Hipotesis Kajian.	62
4.6 Kesimpulan	69

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan	70
5.2 Perbincangan	70
5.3 Implikasi	75
5.4 Cadangan	76
5.5 Cadangan Kajian Akan Datang	79
5.6 Kesimpulan	80

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN A - Borang Soal Selidik

LAMPIRAN B - Tatacara Keselamatan Dan Kesihatan Di Sekolah

LAMPIRAN C - Kelulusan Menjalankan kajian

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Mukasurat	
3.1	Item Soalselidik Aspek Keselamatan Makmal	44
3.2	Item Soalselidik Aspek Keselamatan Bengkel	45
3.3	Item Soalselidik Aspek Keselamatan Umum	46
3.4	Hasil Kajian Rintis Borang Soalselidik	48
3.5(a)	Jumlah Skor Untuk Tahap Amalan Keselamatan Dan Kesihatan makmal Di Sekolah	50
3.5(b)	Jumlah Skor Untuk Tahap Amalan Keselamatan Dan Kesihatan Bengkel Di Sekolah	51
3.5(c)	Jumlah Skor Untuk Tahap Pelaksanaan Amalan Keselamatan Dan Kesihatan Umum Di Sekolah	51
4.1	Taburan Sampel Mengikut Lokasi Sekolah	54
4.2	Taburan Sampel Mengikut Gred Sekolah	54
4.3	Taburan Sampel Mengikut Jumlah Pelajar	55
4.4	Taburan Sampel Mengikut Jumlah Guru	55

4.5	Taburan Sampel Mengikut Jumlah Staf	56
4.6	Taburan Sampel Mengikut Urusan Kebersihan	57
4.7	Taburan Sampel Mengikut Urusan Keselamatan	57
4.8	Aspek Pelaksanaan Amalan Keselamatan Dan Kesihatan Berdasarkan Urutan Keutamaan	58
4.9	Amalan Keselamatan Dan Kesihatan Makmal Di sekolah	59
4.10	Amalan Keselamatan Dan Kesihatan Bengkel Di Sekolah	60
4.11	Amalan Keselamatan Dan Kesihatan Umum Di Sekolah	61
4.12	Aspek Amalan Keselamatan Dan Kesihatan Mengikut Lokasi Sekolah	62
4.13	Aspek Amalan Keselamatan Dan Kesihatan Umum Mengikut Gred Sekolah	65
4.14	Aspek Amalan Keselamatan Dan Kesihatan Mengikut Jumlah Murid	67

SENARAI RAJAH

No Rajah

3.1 Rekabentuk Model Kajian

Mukasurat

42

SENARAI SINGKATAN

Singkatan

SPI Surat Pekeliling Iktisas

KPM Kementerian Pendidikan Malaysia

NIOSH National International Occupational Safety and Healty
(Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja Negara)

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pendidikan memainkan peranan utama dalam memperkembangkan potensi individu. Setiap individu boleh berkembang ke tahap cemerlang jika diberi peluang secukupnya. Pendidikan mampu melahirkan individu yang berilmu, mulia, berbudi pekerti yang tinggi, sopan, bertanggungjawab serta berketrampilan. Untuk merealisasikan wawasan negara sebagai negara maju menjelang 2020, pendidikan merupakan agenda utama dalam membentuk masyarakat yang berpengetahuan, berkemahiran, beretika dan bermoral (Abu Bakar Nordin, Ikhsan Othman, 2003). Banyak wang dibelanjakan untuk meningkatkan prasarana dan kemudahan sokongan serta pembangunan kurikulum. Sejajar dengan itu sekolah sebagai tempat berlakunya proses pembentukan insan perlulah dalam keadaan yang kondusif kepada para guru dan pelajar.



Pihak pengurusan sekolah perlu memastikan keadaan sekolah sentiasa selamat bagi memaksimumkan iklim pembelajaran. Oleh itu, amalan keselamatan dan kesihatan di sekolah perlu dititikberatkan kerana taraf pengetahuan, kesihatan dan ekonomi yang bertambah baik masa kini menyebabkan pertambahan bilangan pelajar. Akibat perkembangan ini, tanggungjawab pengurusan dan pentadbiran keselamatan dan kesihatan pelajar menjadi bertambah. Pada masa kini, kebanyakkan ibu bapa dan penjaga pelajar bekerja. Ini menyebabkan pihak sekolah terutamanya guru, terpaksa mengambil alih tugas dan tanggungjawab penuh ibu bapa pelajar sewaktu mereka di sekolah. Segala bebanan tanggungjawab kebajikan dan keselamatan pelajar terpikul sepenuhnya ke atas pihak sekolah sepanjang masa persekolahan setiap hari (Hasrina Roslani, 2004).

Peningkatan pelajar saban tahun memberi implikasi terhadap pengurusan sekolah untuk melindungi pelajar dari risiko kemalangan. Ramai pelajar terdedah kepada risiko kecederaan akibat kemalangan yang berlaku di dalam kawasan sekolah sama ada semasa proses pengajaran dan pembelajaran atau semasa aktiviti kurikulum. Kemalangan atau kecederaan yang berlaku bukanlah semata-mata kerana takdir atau lumrah alam. Ianya pasti mempunyai kaitan dengan berbagai perkara seperti sikap, amalan terhadap diri, alatan mesin serta persekitaran tempat belajar atau tempat bekerja. Kemalangan dan kecederaan tidak dapat dielakkan sepenuhnya. Ianya dapat dikurangkan atau dicegah sekiranya semua pihak yang terlibat dalam pengurusan keselamatan dan kesihatan bekerjasama dalam melaksanakan tugas serta tanggungjawab



supaya peraturan tersebut dapat diamalkan oleh guru serta pelajar. Pihak sekolah bertanggungjawab memastikan setiap pelajar selamat semasa berada di sekolah.

1.1.1 Amalan Kesihatan Sekolah

Isu keselamatan dan kesihatan di sekolah telah menjadi isu yang penting bukan sahaja di Malaysia malah turut menjadi isu global termasuk di negara maju seperti Jepun, Kanada dan Amerika Syarikat. Di Malaysia, Rancangan Kesihatan Sekolah (RKS) telah wujud sejak tahun 1967 sebagai satu rancangan bersepadu dan komprehensif antara Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pelajaran. RKS bertujuan untuk meningkatkan taraf kesihatan dan pemakanan pelajar serta warga sekolah ke tahap yang optima. Antara rasional rancangan ini diwujudkan adalah kerana terdapat beberapa keadaan penyakit yang tinggi di kalangan pelajar sekolah seperti malnutrisi, karies gigi, jangkitan cacing, masalah penglihatan, kudis dan sebagainya walaupun mereka merupakan golongan yang paling sihat dengan kadar kematian yang rendah.

Dari sudut pembangunan, pelajar merupakan agen perubahan. Mereka juga boleh mempengaruhi ahli keluarga mereka. Sekolah merupakan sumber yang besar dari segi kemudahan, tenaga manusia dan sebagai pusat pendidikan atau agen perubahan dalam masyarakat. Program Bersepadu Sekolah Sihat (PBSS) telah dilancarkan pada bulan September 1997 sebagai menggantikan RKS. Dalam RKS, tumpuan utama ialah meningkatkan taraf kesihatan dan pemakanan pelajar sekolah ke tahap optima. PBSS pula memberikan penekanan kepada menyatupadukan semua aktiviti kesihatan sekolah

di bawah satu payung yang mempunyai enam teras utama yang seharusnya dilaksanakan secara berperingkat-peringkat oleh setiap sekolah. Keenam-enam teras tersebut adalah :

- i. Polisi kesihatan Sekolah
- ii. Persekutaran fizikal sekolah yang sihat dan selamat
- iii. Persekutaran sosial sekolah yang sihat dan selamat
- iv. Penglibatan komuniti
- v. Kemahiran Kesihatan Diri
- vi. Perkhidmatan Kesihatan Sekolah

1.1.2 Amalan Keselamatan Sekolah

Sekolah merupakan institusi yang bertanggungjawab memperkembangkan potensi individu. Pelbagai aktiviti yang dijalankan oleh pihak sekolah, sama ada di dalam atau luar sekolah bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengalaman kepada pelajar. Dalam melaksanakan aktiviti tersebut, pihak sekolah perlulah mengambil kira aspek keselamatan pelajarnya. Jika aspek ini tidak diberi keutamaan, kemalangan boleh berlaku. Oleh itu, satu tatacara tindakan pelajar dan juga guru perlu disediakan supaya semua pihak tahu dan faham apakah tindakan yang perlu dilakukan supaya kemalangan boleh dielakkan. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000)

Melaksanakan amalan keselamatan bermakna melakukan kerja-kerja mengikut langkah-langkah keselamatan. Ianya dapat mengurang, mencegah dan menghindarkan berlakunya kecelakaan pada tahap yang minimum. Walaupun ianya tidak dapat

menyelamatkan diri secara keseluruhan, namun ia adalah satu usaha ke arah mengurangkan dari berlakunya kemalangan yang tidak diingini. Menurut Nasir Ahmad (1987), kemalangan tidak dapat dielakkan tetapi penyelenggaran yang rapi dapat mengurangkan tahap kemalangan yang berlaku di sebuah sekolah. Yahya Abd hamid (1989), berpendapat penyelenggaraan perlu dilakukan bertujuan untuk memastikan sebuah peralatan, mesin dan bangunan dalam keadaan yang membolehkan ia digunakan dengan baik dan berkesan. Ahmad Jamil (1992), dalam kajiannya mengenalpasti sebahagian guru tidak memberi pendedahan dan penekanan akan pentingnya langkah keselamatan. Oleh itu guru dan pihak pentadbir perlu menambah pengetahuan yang mendalam mengenai perundangan pendidikan supaya ianya dapat membantu mengurangkan risiko pendakwaan daripada ibu bapa dan pelajar khususnya apabila langkah pengurusan risiko yang munasabah diamalkan.

Bahagian sekolah telah menyediakan buku '**Konsep Dan Manual Sekolah Selamat**' sebagai panduan pelaksanaan yang memuatkan aspek manual untuk menangani isu keselamatan dalam bidang aktiviti pelajar, bencana alam, fizikal dan bangunan sekolah, sosial serta persekitaran dan lokasi sekolah. Pihak sekolah perlu mengikuti garis panduan yang telah ditetapkan bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini. Menurut Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan (Jabatan Sekolah), Datuk Kusaini Hasbullah, konsep '**Sekolah Selamat**' sebenarnya telah wujud dalam sistem pendidikan formal sebelum ini. Oleh itu, konsep yang begitu umum, dibina dan dikembangkan menjadi satu konsep khusus yang dilaksanakan di sekolah-sekolah seluruh negara. Didapati 84% daripada keseluruhan 10,000 buah sekolah rendah dan

menengah kini menjalankan konsep ini secara aktif. (Kementerian Pendidikan Malaysia, Berita Harian, Disember 2003)

1.2 Pernyataan Masalah

Pada 6 Mei 2002, ‘Polisi Sekolah Selamat’ telah dilancarkan dengan tujuan untuk meningkatkan kefahaman dan penghayatan bahawa keselamatan dan kesihatan hendaklah menjadi agenda utama dalam semua aspek pendidikan di sekolah. Setelah hampir lima tahun ianya dilancarkan, masih terdapat banyak laporan mengenai kemalangan yang berlaku semasa di sekolah. Ini menggambarkan bahawa pihak sekolah masih mengabaikan aspek keselamatan dan kesihatan yang sepatutnya sentiasa diberi perhatian dan keutamaan. Amalan keselamatan dan kesihatan amat penting dititikberatkan bagi mengelakkan berlakunya kemalangan dan kecederaan semasa pengajaran dan pembelajaran atau semasa aktiviti ko-kurikulum.

Kemalangan boleh berlaku kerana kurang kesedaran terhadap amalan keselamatan dan kesihatan di sekolah. Kesedaran mengenai kepentingan amalan ini hendaklah diterapkan kepada semua warga sekolah bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku yang bakal mengundang masalah kepada pihak sekolah dan pelajar. Isu yang menjadi persoalan ialah adakah pihak sekolah menjadikan amalan ini sebagai keutamaan dalam organisasinya. Ini adalah kerana terdapat segelintir guru yang tidak mengambil berat dalam mengendalikan aspek-aspek keselamatan dan kesihatan di sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002).



Kemalangan boleh berlaku di mana-mana sahaja. Pelajar juga mempunyai risiko

untuk mendapat kemalangan semasa melakukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Kejadian palung bumbung dewan runtuh di SMK Bukit Besi dan garaj basikal runtuh di SK Syed Alwi menunjukkan bahawa sebahagian struktur bangunan sekolah adalah tidak selamat. Keadaan ini menyebabkan keselamatan pelajar terancam (Kosmo 284//06 , Berita Harian 24/7/06).

Keselamatan sekolah tidak terhad kepada aspek yang membabitkan disiplin dan jenayah sahaja. Ia juga meliputi isu seperti bangunan, peralatan, persekitaran dan kemudahan lain di sekolah. Persekitaran sekolah seperti bangunan yang buruk dan tidak menarik akan merendahkan moral pelajar dan juga membahayakan keselamatan pelajar (Frazier, 1993)

Rentetan dari peristiwa kemalangan yang sering berlaku di sekolah, pengkaji telah membuat satu kajian amalan keselamatan dan kesihatan di sekolah. Kajian ini adalah untuk mengkaji amalan keselamatan dan kesihatan yang dilaksanakan oleh pihak sekolah bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif bagi ahli-ahlinya.

1.3 Objektif Kajian

Objektif Am

Secara amnya kajian ini adalah untuk melihat amalan keselamatan dan kesihatan yang telah diamalkan oleh pihak pengurusan sekolah khususnya dan warga sekolah amnya.



Objektif Khusus

Secara khususnya objektif kajian ini adalah untuk :

- i. Mengetahui amalan keselamatan dan kesihatan di sekolah dari pelbagai dimensi seperti bengkel, makmal, serta dimensi umum seperti padang, kantin, tandas, kelas, bilik guru, aktiviti ko-kurikulum dan aspek kebakaran.
- ii. Mengetahui apakah amalan keselamatan dan kesihatan yang diberikan tumpuan yang lebih oleh pihak pengurusan.
- iii. Untuk melihat adakah perbezaan yang signifikan terhadap amalan keselamatan dan kesihatan di sekolah yang dikaji berdasarkan lokasi sekolah, gred sekolah dan bilangan pelajar.

1.4 Soalan Kajian

Kajian ini adalah untuk mengetahui amalan keselamatan dan kesihatan yang diamalkan oleh pihak pengurusan dan guru-guru di sekolah Menengah Daerah Batu Pahat, Johor. Persoalan kajian penyelidikan adalah seperti berikut :

- i. Apakah amalan keselamatan dan kesihatan yang diamalkan di sekolah dari aspek keselamatan bengkel,makmal dan umum.
- ii. Apakah amalan keselamatan dan kesihatan di sekolah yang mempunyai tahap amalan yang tinggi.
- iii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam amalan keselamatan dan kesihatan di makmal berdasarkan lokasi sekolah, gred sekolah dan jumlah pelajar.

- iv. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam amalan keselamatan dan kesihatan di bengkel berdasarkan lokasi sekolah, gred sekolah dan jumlah pelajar.
- v. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam amalan keselamatan dan kesihatan dalam aspek keselamatan umum berdasarkan lokasi sekolah, gred sekolah dan jumlah pelajar.

1.5 Hipotesis Kajian

Berdasarkan kepada objektif-objektif kajian dan persoalan kajian di atas, penyelidik telah mengemukakan 3 hipotesis kajian. Hipotesis-hipotesis yang dikaji dalam kajian ini adalah seperti berikut :

- i. **Hipotesis 1** : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min skor amalan keselamatan dan kesihatan berdasarkan lokasi sekolah.
- ii. **Hipotesis 2** : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min skor amalan keselamatan dan kesihatan berdasarkan gred sekolah.
- iii. **Hipotesis 3** : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min skor amalan keselamatan dan kesihatan berdasarkan jumlah pelajar.

1.6 Kepentingan Kajian

Dalam konteks amalan keselamatan dan kesihatan sekolah, adalah diharapkan kajian ini dapat memberi kesedaran dan malkumat kepada pelbagai pihak yang terlibat

dalam bidang pendidikan terutamanya pihak sekolah, guru, pelajar, ibu bapa dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Berdasarkan kajian ini, hasil dapatan akan menjelaskan amalan keselamatan dan kesihatan di sekolah khususnya di daerah Batu Pahat. Kajian ini diharapkan dapat memberi maklumat mengenai pentingnya amalan keselamatan dan kesihatan dipraktikkan di samping memberi garis panduan kepada guru dalam meyusun strategi bagi mencegah kepada kemalangan berlaku di sekolah.

Kajian ini juga diharapkan dapat membantu membentuk komuniti yang sedar dan mempraktikkan amalan keselamatan dan kesihatan yang terbaik dan sempurna. Selain itu, kajian ini juga diharapkan dapat mengemukakan saranan yang berguna kepada pihak-pihak yang terlibat agar berusaha lebih serius dalam hal-hal yang berkaitan dengan isu amalan keselamatan dan kesihatan dalam bidang pendidikan. Kajian terhadap amalan keselamatan dan kesihatan di sekolah merupakan satu kajian yang baru di Malaysia dan tidak banyak kajian ilmiah dibuat mengenainya. Oleh itu adalah diharapkan kajian ini akan dapat memberi manfaat kepada pelbagai pihak dan dapat menambahkan sumber rujukan serta minat ramai pengkaji pendidikan untuk membuat kajian berkaitan keselamatan dan kesihatan di sekolah.

1.7 Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan bukan merupakan satu kajian yang menyeluruh, oleh itu ia hanya mempunyai beberapa limitasi. Di antara limitasi itu ialah :

- i. Kajian ini hanya melibatkan 120 sampel guru dari 10 buah sekolah menengah harian di daerah Batu Pahat, Johor. Oleh itu, hasil kajian ini



hanya bertepatan untuk memenuhi kajian ini sahaja dan tidak menggambarkan amalan keselamatan dan kesihatan keseluruhan sekolah menengah di daerah atau negeri lain kecuali ia mempunyai keadaan dan faktor yang sama seperti tempat kajian dijalankan.

- ii. Kajian ini hanya melibatkan guru sekolah menengah dan tidak melibatkan guru sekolah rendah di daerah Batu Pahat. Oleh itu ianya tidak boleh dibuat generalisasi kepada amalan keselamatan dan kesihatan mana-mana sekolah rendah.
- iii. Kajian ini hanya melibatkan sekolah menengah kebangsaan harian. Sekolah persendirian atau sekolah di bawah pentadbiran kerajaan negeri seperti sekolah agama negeri tidak termasuk dalam kajian ini. Dengan itu, dapatan kajian ini tidak boleh digunakan untuk menerangkan bahawa keadaan yang sama wujud di semua sekolah swasta atau sekolah di bawah pentadbiran kerajaan negeri dalam daerah Batu Pahat.

Justeru itu, kajian ini hanyalah benar dan tepat dalam batasan di mana kajian ini dijalankan sahaja.

1.8 Definisi Operasional

1.8.1 Amalan

Menurut Kamus Dewan (1986), amalan bermaksud sesuatu yang dilakukan, dikerjakan atau dilaksanakan pada kebiasaanya. Merujuk kepada kajian ini, amalan



adalah peraturan atau tindakan yang sering dilakukan oleh guru-guru atau pihak sekolah dalam menangani isu-isu keselamatan dan kesihatan di sekolah.

1.8.2 Keselamatan

Keselamatan menurut Kamus Dewan 1986) adalah keadaan yang bebas atau terlepas daripada segala bencana atau gangguan. Dalam konteks sekolah ia dapat ditakrifkan sebagai satu keadaan, atau persekitaran yang membolehkan warga sekolah menjalankan aktiviti harian atau aktiviti lain yang ada kaitan di sekolah dengan selamat, harmoni, tidak risiko dan bebas daripada kemalangan.

1.8.3 Kesihatan

Kesihatan dalam kajian ini merujuk kepada usaha pihak pengurusan sekolah dalam memastikan setiap warganya bebas daripada penyakit sama ada fizikal atau mental. Menurut Goetsch (1996), aspek kesihatan adalah menitikberatkan interaksi dengan kecederaan yang diakibatkan oleh kemalangan yang berlaku di tempat kerja.

1.8.4 Sekolah Menengah

Menurut Dunn (1999), sekolah menengah merupakan tempat belajar dan mengajar, tempat menerima dan memberi pelajaran. Manakala Ibrahim Mamat (2000), mendefinisikan sekolah ialah tempat untuk belajar dan mengajar di mana pemberian dan penerimaan ilmu berlaku secara formal. Elemen asas yang terdapat di dalamnya adalah guru, pelajar, tempat dan kurikulum

Dalam Kamus Dewan (1998), sekolah menengah didefinisikan sebagai sekolah peringkat menengah yang penuntutnya berumur 13 tahun hingga 19 tahun (selepas

pendidikan awal di sekolah rendah) Akta Pendidikan 1996 pula mentafsirkan sebagai sekolah yang menyediakan pendidikan menengah yang sesuai bagi murid yang baru tamat mengikuti pendidikan rendah. Dalam kajian ini, ia merujuk kepada institusi pendidikan menengah harian kerajaan yang mempunyai pelajar yang berumur antara 13 – 19 tahun dan merupakan organisasi yang meliputi beberapa komponen seperti bangunan fizikal (yang merangkumi bilik darjah, kantin, bilik guru, makmal, bengkel, tandas serta pusat pentadbiran) dan persekitaran kawasan yang merangkumi gelanggang, tempat letak kereta dan pelbagai kategori taman. Bagi kajian ini, ia merujuk kepada sekolah atau tempat belajar dan mengajar yang dipilih oleh pengkaji untuk menjalankan kajian.

1.8.5 Guru-Guru

Guru adalah pendidik atau tenaga pengajar yang bertanggungjawab terhadap perkembangan personaliti, mental dan fizikal pelajar. Guru-guru yang terlibat dalam kajian ini adalah guru yang terlatih dalam bidang pendidikan yang dilantik oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP). Dalam kajian ini, guru-guru adalah guru sekolah menengah yang mengajar matapelajaran Sains, Kemahiran hidup dan mata pelajaran lain.

1.8.6 Konsep Sekolah Selamat

Persekitaran sekolah yang selamat akan membolehkan warga sekolah merasa selamat tanpa gangguan daripada mana-mana pihak sama ada dari dalam maupun dari luar. Hamidon (2003), mentakrifkan sebagai tempat yang tersusun rapi dan bertujuan di

mana pelajar dan kakitangan merasa bebas untuk belajar, bermain tanpa menerima apa-apa gangguan secara fizikal atau psikologi. Secara umumnya terdapat dua dimensi keselamatan iaitu dimensi fizikal dan bukan fizikal. Dimensi fizikal meliputi aspek keselamatan bangunan, peralatan dan persekitaran yang membahayakan pelajar. Dimensi bukan fizikal adalah aspek ancaman atau gangguan yang berbentuk psikologikal-mental, emosi, sosial, kerohanian dan sebagainya. Berdasarkan buku Konsep Manual Sekolah Selamat 2002, terdapat lima bidang utama keselamatan bagi menangani isu keselamatan di sekolah iaitu bidang aktiviti murid, bidang bencana alam, bidang fizikal dan bangunan sekolah, bidang sosial dan bidang persekitaran serta lokasi sekolah. Dalam kajian ini, tumpuan adalah dalam dimensi fizikal.

1.9 Penutup

Dalam bab ini, pengkaji telah menerangkan serba sedikit tentang pengenalan, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasional. Dalam usaha untuk mengurangkan berlakunya kemalangan di sekolah, setiap individu yang terlibat hendaklah bersikap positif dalam melaksanakan amalan keselamatan dan kesihatan di sekolah.